

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.11.2017**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah yang akan membiayai wang untuk projek East Coast Rail Link (ECRL), jumlah yang dibiayai dan bagaimana jumlah wang tersebut akan dibayar balik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan kos pembinaan landasan kereta api dan kos sampingan lain seperti kejuruteraan untuk kelajuan rekabentuk, pembangunan stesen kereta api, kemudahan infrastruktur dan lain-lain lagi adalah sebanyak RM55 bilion seperti yang telah diketahui

umum.

Projek ECRL dibiayai dengan Jaminan Kerajaan melalui Pinjaman Mudah (*Soft Loan*) daripada China EXIM Bank merangkumi 85% daripada jumlah pembiayaan manakala baki 15% lagi dibiayai melalui program sukuk atau bon yang diuruskan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Struktur pembiayaan ini akan menjimatkan kos pembiayaan syarikat melalui kadar faedah/ kupon pinjaman mudah yang kompetitif manakala kupon untuk terbitan sukuk atau bon tempatan pula akan ditentukan berdasarkan pasaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pembayaran semula kos pinjaman projek ECRL akan dibuat menerusi pendapatan hasil operasi ECRL seperti kutipan tambang penumpang dan fi perkhidmatan kargo, serta pendapatan bukan operasi (*non-fare revenue*) seperti *Transit Oriented Development* (TOD), pengiklanan, telekomunikasi dan peruncitan.